

PENILAIAN KEATAS PERTIMBANGAN MORAL, KECEKAPAN MORAL DAN SKEMA MORAL DALAM KALANGAN PENTADBIR INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI AWAM

Nurull Hayati Latif¹, Mazlina Jamaludin², Mohd Amin Zakaria³, Ishanuddin Hussin⁴
dan Latif Anwar⁵

^{1, 2, 3, 4}Politeknik Sultan Idris Shah, Malaysia.

⁵Universiti Putra Malaysia, Malaysia.

nurullhayati@psis.edu.my¹

mazlinajamaludin1973@gmail.com²

amin.jph@psis.edu.my³

ishanuddin@psis.edu.my⁴

Penulis koresponden: mazlinajamaludin1973@gmail.com

Abstrak: Pentadbir akademik sentiasa perlu adil, teliti dan telus dalam membuat keputusan bagi organisasi. Maka pertimbangan yang waras, matang, berpengetahuan dan tidak bias adalah amat penting dalam mengekalkan keputusan yang adil dalam memelihara hubungan semua pihak. Faktor-faktor ini penting terutama sekali apabila berada dalam bidang pendidikan yang melibatkan kepelbagai peringkat umur amat memerlukan kesabaran dan penelitian dalam melaksanakan tindakan. Keputusan yang adil akan memperlihatkan prestasi pentadbiran yang cekap hasil daripada pertimbangan moral, skema moral dan kecekapan moral dalam kalangan pentadbir. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti: a) tahap kecekapan moral pentadbir akademik, b) tahap pertimbangan moral dan skema moral pentadbir akademik, c) hubungan skema moral dan kecekapan moral pentadbir akademik.

Kata kunci: Pertimbangan moral dan kecekapan moral.

1. Pengenalan

Pemimpin akademik merupakan seorang individu yang menekankan keberkesanan hasil kerja dan menjauhkan kepentingan diri daripada pengurusan (Osgood, 2003). Pengalaman sebagai pegawai akademik dan pentadbir akademik menjadi asas kepada peningkatan taakulan moral. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan semasa melaksanakan tugas sebagai pentadbir akademik, mereka sering berada di persimpangan antara memenuhi keperluan peribadi dan usaha untuk mencapai matlamat jabatan semasa membuat keputusan moral (Lavaras, 2013).

Bagi mencapai matlamat institusi pengajian tinggi dalam memenuhi kehendak pelanggan (stakeholders), kajian perlu dilakukan terhadap taakulan moral pentadbir akademik. Kajian ini sangat penting kerana bertujuan untuk memahami peranan pentadbir dalam membuat keputusan yang kompleks. Teori Perkembangan Moral Kognitif Kohlberg (1984) digunakan untuk mengenal pasti elemen-elemen taakulan moral bagi kajian ini. Ianya melibatkan; a) pertimbangan moral (McAuliffe, 2019); b) kecekapan moral; dan c) skema moral. Kajian tersebut memberi penjelasan tentang peringkat pertimbangan moral, kecekapan moral, skema

moral, rujukan nilai pilihan, bidang pengajian, tahap pengajian, tempoh perkhidmatan dan tempoh menjawat sebagai pentadbir akademik di IPTA.

Diharapkan dapatan kajian ini dapat memberi impak kepada institusi dan pentadbir akademik. Ianya turut membantu pihak Kementerian Pengajian Tinggi dalam memperhalusi maklumat dan kefahaman tentang sikap ketaakulan moral dalam kalangan pentadbir akademik secara menyeluruh. Lantas ianya dapat memudahkan pemimpin institusi membuat rancangan yang berkesan bagi membentuk pelapis pemimpin akademik di IPTA. Ia juga membantu institusi dalam menyediakan garis panduan terkini untuk membentuk perancangan latihan etika dan moral kepada kumpulan pentadbir akademik. Disamping itu, maklumat ini dapat membantu dalam pembentukan penyusun strategi jangka masa panjang bagi membentuk bakal pelapis pemimpin dan pentadbir akademik. Akhir sekali diharapkan kajian ini dapat menyumbangkan maklumat terkini kepada literatur dalam bidang pendidikan moral, taakulan moral yang dipelopori oleh Kohlberg (1969).

2. Kajian Literatur

Teori perkembangan moral kognitif dipelopori oleh Piaget (1965). Beliau mengelaskan moral kognitif kepada dua peringkat: peringkat heteronomous dan autonomous. Piaget (1970) berpendapat bahawa kognitif adalah makanisme lazim yang menghubungkan seseorang dengan persekitaran. Seseorang akan aktif menterjemahkan persekitaran membentuk makna daripada pengalaman mereka mengikut struktur khusus yang dilaluinya. Bagaimanapun, pembentukan makna binaan Piaget (1973) ini terbatas kepada usia dan tidak menonjolkan perkembangan taakulan moral. Ianya merupakan asas ideologi teori perkembangan moral yang dibangunkan oleh Kohlberg (1981).

Teori ini dikembangkan oleh Kohlberg (1984) dengan membangunkan model enam peringkat taakulan moral. Setiap peringkat disusun secara vertikal, bermula dengan struktur kognitif ringkas hingga ke struktur yang lebih kompleks. Ia adalah teori pengkonsepan struktur dan proses yang membentuk perkembangan taakulan moral dan percaya bahawa perkembangan tersebut berlaku melalui beberapa siri kumulatif yang berubah. Taakulan moral tersebut terbahagi kepada tiga tahap iaitu: a) tahap taakulan prakonvensional, b) konvensional dan c) pascakonvensional (Kohlberg, 1984).

Rentetan daripada teori Kohlberg (1984) dan Model Rest (1979), Rest et al., (1999) telah membuat penambahbaikan keatas teori Kohlberg dengan mengemukakan empat komponen proses psikologi dalaman, iaitu: kepekaan moral, pertimbangan moral, dorongan moral, dan perwatakan moral. Komponen tersebut merupakan penambahbaik keatas Model Rest (1979) yang hanya memberi penekanan tentang konsep asas moral. Model Rest (1999) ini menjelaskan bahawa setiap peringkat berbeza daripada sudut struktur peringkat dan struktur kognitif yang perlu diaplikasi oleh individu seperti moral keadilan (Anwar, 2013).

Higgins, Power dan Kohlberg (1984) dan Trevino (1992) pula berpendapat tingkah laku moral adalah sebahagian daripada fungsi dalam peringkat penaakulan moral yang menghubungkan persekitaran sosio-moral dimana ianya melibatkan setiap individu. Seterusnya Mischel dan Shoda, (1995) dalam kajian mereka telah membuktikan bahawa wujudnya perkaitan yang kuat antara pertimbangan moral dengan hubungan antara taakulan moral dan tingkah laku moral. Kajian yang telah dijalankan oleh Rumelhart (1980) dan Fiske dan Taylor (1991) turut berpendapat bahawa konsep moral berstruktur yang berada dalam minda individu membangun

secara berterusan dan bergantung kepada pengalaman individu. Konsep moral berstruktur tersebut dipanggil skema moral. Ianya berfungsi mentafsir rangsangan moral individu. Skema moral telah di klasifikasi kepada tiga iaitu: a) skema kepentingan peribadi (peringkat 2 dan 3 bagi tahap taakulan moral Kohlberg), b) skema pengekalan norma (peringkat 4), dan c) skema pascakonvensional (peringkat 5 dan 6) Narvaez, & Lapsley, (2014).

Berasaskan kepada model enam peringkat Kohlberg (1984), Lind (2008) telah membangunkan konsep baharu dalam pengukuran kemoralan yang memberikan tumpuan kepada kecekapan moral. Ia adalah konsep inovatif yang memberi penjelasan tentang moral individu dan kefahamannya kepada moral, serta kemampuan bertindak mengikut moral tersebut. Kecekapan moral menggambarkan moral dalam konteks perasaan dalaman individu tentang apa yang dapat diterima, dan penerimaan norma-norma dan nilai sosial. Oleh itu, konsep kecekapan moral membawa bersama aspek afektif, kognitif dan tingkah laku (Anwar, 2013).

Lind (2004; 2013), pula menambah dalam Teori Dual Aspek yang diperkenalkan telah menambah elemen kecekapan moral dalam teori tersebut. Beliau merumuskan bahawa kognitif dan pengaruh luaran merupakan dua aspek yang tidak dapat dipisahkan yang membentuk struktur umum. Beliau turut menambah bahawa struktur umum ini adalah kecekapan moral dan bukan identiti moral atau sikap moral. Dalam model dual-aspek ini, kecekapan moral berada di antara ideal moral dan kelakuan moral. Oleh itu, kognitif dan pengaruh luaran adalah berbeza tetapi ia tidak boleh dipisahkan dalam kecekapan moral (Lind, 2017).

Skema moral pula merupakan konsep berstruktur yang berfungsi sebagai mentafsirkan rangsangan. Struktur ini wujud dalam minda individu secara berterusan. Tingkah laku individu sentiasa membangun, berkembang, dan membina hasil daripada pengalaman individu (Rumelhart, 1980). Skema moral penting dalam memahami moral tingkah laku sebagai mana struktur pengetahuan umum mereka digunakan dalam kerjasama sosial, dan membina pengalaman dalam hubungan sosial (Narvaez, & Lapsley, 2014).

Pentadbir akademik merupakan pentadbir bagi fakulti atau entiti pengajaran di IPTA yang dilantik. Semasa pentadbir akademik berhadapan dengan permasalahan dan isu-isu yang berbentuk dilema moral, kebijaksanaan mereka diperlukan dalam membuat pertimbangan dan keputusan moral agar mereka dapat bertindak mengikut prinsip-prinsip moral yang beretika. Justeru objektif kajian adalah untuk mengenal pasti: pertimbangan moral (Prehn & Heekeran, 2009) kecekapan moral (Duriez & Soenens, 2006) dan skema moral pentadbir akademik serta hubungannya dengan bidang pengajaran, tahap pengajaran, tempoh perkhidmatan dan juga tempoh menjawat jawatan sebagai pentadbir akademik (Anwar, 2013).

Berdasarkan perbincangan literatur diatas, kajian ini ingin menggunakan Model Empat Komponen Rest (1979) dan Model Moral Kognitif Lind (Lind, 2004; 2013) sebagai rangka kajian. Kajian ini bertujuan untuk menilai bagaimana pentadbir di institusi pendidikan awam membuat keputusan yang adil dalam organisasi dari sudut pertimbangan moral, kecekapan moral dan skema moral. Oleh itu, objektif kajian dibawah telah dibentuk;

1. Mengenal pasti tahap kecekapan moral pentadbir akademik.
2. Mengenal pasti tahap pertimbangan moral dan skema moral pentadbir akademik.
3. Mengenal pasti hubungan skema moral dan kecekapan moral pentadbir akademik.

3. Metodologi

Pentadbir akademik yang berjawatan dekan dan timbalan dekan fakulti-fakulti di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia telah dipilih sebagai responden secara rawak. Proses persampelan rawak strata dibuat dengan menyenaraikan semua dekan dan timbalan dekan bagi setiap fakulti di IPTA. Pemilihan dibuat secara rawak ke atas kedua-dua kumpulan pentadbir akademik tersebut. Sebanyak 20 Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia dipilih untuk kajian ini. Sample kajian adalah seramai 109 responden. Instruman yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik. Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian, iaitu;

Bahagian	Pembolehubah	Butiran
Bahagian A	Maklumat demografi responden.	Pengkaji membina sendiri
Bahagian B	Pengukuran peringkat kecekapan pertimbangan moral responden.	Instrumen Pengukuran Perkembangan Moral adalah; terdiri daripada: a. Ujian Kecekapan Moral (MJT) yang dibangunkan oleh Lind (1985) 1998; b. Ujian Penjelasan Isu (DIT) yang dibangunkan oleh Rest (1979) dengan membeli manual DIT daripada Universiti of Minnesota.
Bahagian C	Pengukuran peringkat perkembangan skema moral responden.	Instrument Skema Moral (SM) mengukuran peringkat kecekapan pertimbangan moral menggunakan menggunakan; a. Cerita pendek iaitu ‘Dilema Heinz’ mengenai dilema moral.

Borang soal-selidik ini yang ditelah hantar melalui pos kepada responden. Responden diberi masa selama dua minggu untuk menjawab. Borang soal-selidik diedar dan dikumpulkan melalui wakil penyelidik di IPTA dan juga perkhidmatan pos kepada penyelidik. Data yang diperoleh daripada borang soal-selidik dikumpul dan dianalisis menggunakan aplikasi SPSS dan STATISTICA. Program STATISTICA telah digunakan oleh penyelidik bagi mendapatkan skor ‘c’ daripada data piawai MJT dan skor ‘p’ bagi skema moral dan rujukan nilai pilihan bagi instrumen DIT.

4. Dapatan Analisis

Objektif pertama kajian ini ialah untuk mengenal pasti tahap kecekapan moral pentadbir akademik.

Skor ‘c’ diklasifikasikan sebagai rendah (0–9), sederhana (10–29), tinggi (30 – 49) dan sangat tinggi (50 – 100). Dapatan kajian mendapat responden memperoleh nilai minimum skor ‘c’ sebanyak 10 dan maksimum 55.15. Setelah dibuat klasifikasi, hasil kajian mendapat sebanyak 66.1% responden pada tahap rendah, 27.5% pada tahap sederhana, 5.5% pada tahap tinggi, dan 0.9% pada tahap sangat tinggi (jadual 1). Kajian mendapat bahawa peringkat kecekapan moral responden adalah pada tahap rendah (purata skor c= 8.66). Jadual 2 menunjukkan 6.4% sahaja

responden yang mempunyai peringkat kecekapan moral pada tahap tinggi dan sangat tinggi, dan 93.6 % mempunyai tahap rendah hingga sederhana.

Jadual 1: Kecekapan moral Pentadbir Akademik

Tahap skor c	Frekuensi	(%)
Rendah	72	66.1
Sederhana	31	27.5
Tinggi	5	5.5
Sangat tinggi	1	0.9
<i>n=109</i>		

Objektif kedua kajian ini adalah untuk mengenal pasti peringkat pertimbangan moral dan skema moral pentadbir akademik.

Nilai skor ‘p’ dikira dalam peratusan bermula dari 0 hingga 100. Peringkat pertimbangan moral responden diklasifikasikan sebagai tahap rendah (0 – 27), sederhana (28 – 41) dan tinggi (42 – 100). Dapatkan kajian mendapat minimum skor ‘p’ yang diperoleh adalah 0 dan maksimum ialah 83.33, dengan min sebanyak 33.12 ($sp = 21.06$). Jadual 2 menunjukkan 33.0% ($f=36$) responden berada pada tahap tinggi dalam peringkat pertimbangan moral. Ini menunjukkan satu per tiga pentadbir akademik mempunyai padangan dan pemikiran yang berlandaskan nilai yang boleh diterima umum, tidak mementingkan pandangan sendiri dan sentiasa mengutamakan keharmonian bersama. Bagaimanapun, 46.8% ($f=51$) daripada responden berada pada kedudukan tahap rendah dalam peringkat pertimbangan moral dan 20.2% ($f=22$) responden berada pada tahap sederhana. Ini jelas menunjukkan bahawa daripada ketiga-tiga kumpulan ini, kumpulan yang berada pada peringkat rendah mendominasi senario pertimbangan moral pentadbir akademik di IPTA.

Jadual 2: Pertimbangan Moral Pentadbir Akademik

Tahap skor p	Frekuensi	(%)
Rendah	51	46.8
Sederhana	22	20.2
Tinggi	36	33
<i>n=109</i>		

4.1 Skema Moral

Objektif ketiga kajian ialah mengenal pasti hubungan skema moral dan kecekapan moral pentadbir akademik.

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pentadbir akademik didominasikan oleh skema moral jenis pengekalan norma dengan $min=3.48$, $sp = 0.91$ diikuti oleh pascakonvensional dengan $min=2.97$, $sp = 0.74$ dan kepentingan diri dengan $min=2.60$, $sp = 0.61$ seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.

Jadual 3: Min dan Sisihan Piawai Skema Moral Pentadbir Akademik

Skema Moral	Min	SP
Kepentingan Diri	2.60	0.61
Pengekalan Norma	3.48	0.91
Pascakonvensional	2.97	0.74
<i>Sisihan Piawai (SP)</i>		

Analisis seterusnya bertujuan untuk mengenal pasti perkaitan yang mungkin wujud antara skema moral pentadbir akademik dengan a) jawatan pentadbir akademik yang disandang, b) tempoh menjawat jawatan pentadbir akademik, c) tempoh perkhidmatan, d) tahap pertimbangan moral, dan e) tahap kecekapan moral.

Perbandingan min antara skema moral dan jawatan dekan dan timbalan dekan yang disandang oleh pentadbir akademik menunjukkan jawatan dekan memperoleh min tertinggi dalam skema pengekalan norma dimana min=3.66, sp =0.83 diikuti oleh skema pascakonvensional dengan min=2.78, sp =0.94 berbanding jawatan timbalan dekan mempunyai min yang tertinggi bagi skema pengekalan norma dengan min=3.41, sp =0.93 diikuti oleh skema pascakonvensional dengan min=3.07, sp =0.68 seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4. Kajian juga mendapati tiada kaitan yang signifikan antara dua pembolehubah tersebut.

Jadual 4: Min dan Sisihan Piawai Skema Moral mengikut jawatan.

Jawatan		Kepentingan Diri	Pengekalan Norma	Pasca konvensional
Dekan (n=37)	Min	2.54	3.66	2.78
	SP	0.63	0.83	0.94
Timbalan Dekan (n=72)	Min	2.63	3.41	3.07
	SP	0.61	0.93	0.68
	f	0.55	2.03	1.94
	p	0.46	0.15	0.16

Jadual 5 menunjukkan pembolehubah bagi tempoh menyandang jawatan sebagai pentadbir akademik bagi skema moral. Data diskriptif menunjukkan bahawa tempoh menyandang daripada 13 hingga 15 tahun adalah tertinggi bagi kepentingan diri dengan min=3.50, sp =.34. Ini diikuti oleh tempoh menyandang daripada 7 hingga 9 tahun, pengekalan norma adalah yang tertinggi iaitu min=3.66, sp =1.44. Bagi pemboleh ubah pascakonvensional min=3.22. Kedua-dua pembolehubah didapati tidak mempunyai kaitan yang signifikan.

Jadual 5: Min dan Sisihan Piawai Skema Moral mengikut tempoh jawatan yang disandang.

Jawatan		Kepentingan Diri	Pengekalan Norma	Pasca konvensional
1-3 tahun (n=62)	Min	2.56	3.58	2.88
	SP	0.64	0.89	0.82
4-6 tahun (n=32)	Min	2.59	3.34	3.12
	SP	0.54	0.82	0.75
7-9 tahun (n=3)	Min	3.05	3.66	3.22
	SP	0.48	1.44	0.38
10-12 tahun (n=9)	Min	2.47	3.32	3.06
	SP	0.53	1.25	0.81
13-15 tahun (n=3)	Min	3.50	3.34	2.88
	SP	0.43	0.57	0.37
	f	2.27	0.49	0.61
	p	0.06	0.74	0.65

Perbandingan min antara skema moral dan tempoh perkhidmatan pentadbir akademik menunjukkan bahawa perkhidmatan lima hingga 10 tahun mempunyai min tertinggi iaitu min=3.95, sp=1.05 bagi pengekalan norma. Ini diikuti tempoh perkhidmatan yang kurang daripada lima tahun bagi pasca konvensional dengan min=3.11, sp=0.67 dan tempoh perkhidmatan 11 tahun hingga 15 tahun bagi kepentingan diri dengan min=2.65, sp =0.70 seperti yang ditunjukkan dalam jadual 6. Kajian menunjukkan wujud perkaitan yang signifikan antara satu pembolehubah skema moral dan tempoh perkhidmatan iaitu pengekalan norma ($f=2.54$, $p=0.04$) tetapi tiada perkaitan dengan kepentingan diri ($f=0.31$, $p=0.87$) dan pascakonvensional ($f=0.45$, $p=0.77$) (jadual 6).

Jadual 6: Min dan Sisihan Piawai Skema Moral mengikut tempoh perkhidmatan.

Jawatan		Kepentingan Diri	Pengekalan Norma	Pasca konvensional
< 5 tahun (n=8)	Min	2.60	3.12	3.11
	SP	0.49	0.99	0.67
5-10 tahun (n=11)	Min	2.40	3.95	3.08
	SP	0.52	1.05	0.76
11-15 tahun (n=12)	Min	2.65	3.75	2.71
	SP	0.70	0.81	0.93
16-20 tahun (n=19)	Min	2.61	3.78	3.01
	SP	0.60	0.76	0.74
>20 tahun (n=59)	Min	2.62	3.30	2.98
	SP	0.64	0.88	0.79
	f	0.31	2.54	0.45
	p	0.87	0.04	0.77

Perbandingan min antara skema moral dan peringkat perkembangan moral pentadbir akademik menunjukkan peringkat tinggi mempunyai min tertinggi bagi pengekalan norma (min=3.56) diikuti oleh peringkat rendah bagi pascakonvensional (min=3.01) dan peringkat sederhana bagi kepentingan diri (min=2.71). Kajian mendapati tiada perkaitan yang signifikan antara skema moral dan peringkat perkembangan moral pentadbir akademik seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7: Min dan Sisihan Piawai Skema Moral mengikut peringkat Pertimbangan Moral.

Jawatan		Kepentingan Diri	Pengekalan Norma	Pasca konvensional
Rendah (n=54)	Min	2.75	3.47	3.01
	SP	0.59	0.94	0.76
Sederhana (n=23)	Min	2.71	3.43	2.93
	SP	0.63	0.77	0.63
Tinggi (n=32)	Min	2.56	3.56	2.96
	SP	0.64	0.95	0.91
	f	0.50	0.15	0.08
	p	0.60	0.85	0.92

Seterusnya perbandingan min antara skema moral dan peringkat kecekapan moral pentadbir akademik menunjukkan peringkat tinggi mempunyai min tertinggi bagi pengekalan norma (min=4.00) dan pascakonvensional (min=3.49) diikuti oleh peringkat rendah bagi kepentingan diri (min=2.65). Kajian menunjukkan tiada perkaitan yang signifikan antara skema moral dan peringkat kecekapan moral pentadbir akademik seperti yang ditunjukkan dalam jadual 8.

Jadual 8: Min dan Sisihan Piawai Skema Moral Mengikut Peringkat Kecekapan Moral.

Jawatan		Kepentingan Diri	Pengekalan Norma	Pasca konvensional
Rendah (n=54)	Min	2.65	3.45	2.91
	SP	0.62	0.90	0.83
Sederhana (n=23)	Min	2.48	3.52	3.14
	SP	0.56	0.95	0.58
Tinggi (n=32)	Min	2.25	4.00	3.49
	SP	0.50	0.71	0.20
	f	1.36	0.69	1.73
	p	0.25	0.50	0.18

5. Rumusan Keputusan

Objektif 1. Kajian mendapati bahawa kecekapan moral pentadbir akademik berada pada tahap rendah. Ini menunjukkan pentadbir akademik kurang berkeupayaan untuk mengadali hujah permasalahan moral yang kontroversi berasaskan prinsip moral yang dipegang. Namun, kualiti kecekapan moral tidak boleh dinilai secara terus hanya berasaskan kepada satu dimensi elemen sahaja. Ianya perlu dilihat dengan lebih mendalam seperti kandungan moral dalaman yang ingin diselesaikan. Moral dalaman seperti amanah, kesahan, kejujuran dan kesamaan tidak dapat diadili hanya daripada satu tindak balas perlakuan individu tetapi berasaskan kepada keseluruhan corak, struktur tindak balas (Lind, 2017) dan nilai moral agama. Kajian ini telah memberikan gambaran umum dan struktur tindak balas terhadap tahap kecekapan moral ahli akademik semasa berhadapan dengan permasalahan moral (Anwar, 2013).

Objektif 2. Kajian mendapati bahawa majoriti pentadbir akademik mempunyai tahap sederhana dalam pertimbangan moral. Keadaan ini menggambarkan pentadbir akademik mempunyai hubungan sesama sendiri yang baik dalam kelompok mereka, dan berupaya mengimbangi kepentingan diri dengan individu lain dalam hubungan sesama mereka. Justeru itu, masalah keadilan menjadi salah satu pengimbang terhadap kepentingan diri dalam hubungan sosial. Pertimbangan ini adalah berdasarkan kepada kewajaran tugas dan tanggungjawab dalam sistem sosial insitusi pendidikan bagi mewujudkan keakraban dan keharmonian dikalangan seluruh warga institusi (Anwar, 2013).

Dapatan kajian juga mendapati skema moral yang paling dominan adalah ‘pengekalan norma’. Ia menggambarkan bahawa pentadbir akademik seorang yang berupaya mengenal pasti amalan kebiasaan (menurut adab dan peraturan) dan juga mengenali serta akur kepada pihak yang berkuasa di institusi tersebut. Skema moral yang ada pada pentadbir akademik tersebut dapat mendorong menyelesaikan masalah dalam mempertahankan konsep kesatuan masyarakat di institusi pengajian tinggi. Pentadbir akademik yang mempunyai skema moral pengekalan norma seharusnya mempunyai ciri-ciri keperibadian seperti; a) menerima norma-norma sosial dalam kepimpinan setempat; norma-norma diguna pakai secara meluas dalam masyarakat; b) menuruti norma-norma dengan jelas, seragam, dan berkategori (menjadi peraturan yang sah); c) menjadikan norma-norma sebagai amalan biasa (setiap orang harus patuh, dan menganggap orang lain juga patuh); dan d) mengukuhkan tingkatan hiraki, rantaian arahan, dan pengukuhan kuasa dan tugas (Anwar, 2013) bagi mengekalkan pertimbangan moral yang adil dan saksama.

Objektif 3. Dapatan kajian ini mendapati bahawa tiada hubungan yang signifikan antara skema moral (kepentingan diri, pengekalan norma dan pascakonvensional) dengan kecekapan moral pentadbir akademik. Sungguhpun pentadbir akademik cenderung kepada penggunaan skema pengekalan norma dalam menghadapi dilema moral, namun ia tidak memberi sebarang peranan kepada kecekapan moral. Malah Chang (2007) mendapati remaja juga cenderung kepada penggunaan skema pengekalan norma semasa menghadapi situasi masalah dilema moral. Dapatan ini menunjukkan bahawa proses pembaharuan maklumat yang diterima oleh pentadbir akademik, tidak langsung memberi impak kepada ketekalan dalam menerapkan perspektif nilai moral apabila membuat keputusan (Anwar, 2013).

Kajian selanjutnya mendapati bahawa tidak wujud perkaitan yang signifikan antara skema moral dan jawatan pentadbir akademik yang disandang, dan tempoh menjawat jawatan pentadbir akademik. Bagaimanapun dalam dimensi skema moral, kajian mendapati bahawa skema pasca konvensional dan jawatan sebagai pentadbir akademik mempunyai perkaitan yang

signifikan ($f= 3.97$, $p=0.049$) namun tiada perkaitan dengan skema moral pengekalan norma dan kepentingan diri. Pentadbir akademik yang berjawatan sebagai timbalan dekan mendapat skor min tertinggi (min= 3.07) berbanding skor yang diperoleh oleh dekan (min=2.78). Dalam hubungan ini, timbalan dekan dilihat lebih menunjukkan dominan daripada dekan dalam skema moral dimensi pascakonvensional. Ini menunjukkan bahawa jawatan atau bidang tugas serta kuasa memberi peranan kepada pentadbir akademik dalam memahami suatu situasi moral. Sekiranya timbalan dekan yang sedia ada dilantik ke jawatan dekan, pentadbir akademik di IPTA mungkin akan mempunyai lanskap skema moral yang berbeza.

Majoriti pentadbir akademik di IPTA memilih nilai kepatuhan kepada undang-undang (tidak wajar mencuri ubat) dalam Dilema Heinz. Hanya sedikit sahaja yang memilih nilai kehidupan (wajar mencuri ubat) dan yang tidak sanggup membuat sebarang pilihan nilai (tidak buat pilihan). Dikalangan pentadbir akademik pula, dekan merupakan golongan yang paling ramai memilih nilai kepatuhan kepada undang-undang tersebut. Apabila dilihat daripada sudut tempoh menjawat jawatan, pentadbir akademik yang telah berkhidmat satu sehingga enam tahun adalah kumpulan yang paling ramai memilih nilai patuh kepada undang-undang. Keadaan sedemikian mungkin memberikan gambaran bahawa dekan sebagai pentadbir akademik pada peringkat awal perkhidmatannya telah merasakan bahawa menghindarkan diri mereka daripada pelanggaran undang-undang merupakan nilai pilihan yang terbaik.

Diharapkan agar kajian ini dapat dimanfaatkan kepada IPTA, agensi kerajaan lain disamping menambah kajian literatur dalam bidang pendidikan moral. Hasil kajian ini membawa kepada beberapa cadangan yang wajar diketengahkan, terutama dalam lingkungan budaya di insitusi pendidikan tinggi dan alam akademia. Pertama, kajian ini mendapati skema moral bagi jawatan timbalan dekan dan dekan berada pada skema moral yang sama iaitu Pengekalan Norma, dicadangkan pihak berkuasa yang melantik (Naib Canselor) mengambil kira dan memberi kewajaran yang tinggi kepada timbalan-timbalan dekan untuk dilantik sebagai dekan. Oleh itu dekan yang dipilih dapat mengekalkan skema moral institusi sebagai elemen pengekalan dalam taakulan moral pentadbir akademik.

Kedua, daptan kajian menunjukkan tempoh memegang jawatan sebagai pentadbir akademik dapat meningkatkan kecekapan moral dan pertimbangan moral. Justeru, adalah wajar dicadangkan bahawa perlantikan dekan dipilih daripada timbalan-timbalan dekan dan seterusnya disyorkan juga perlantikan timbalan dekan dipilih pula daripada ketua-ketua jabatan. Oleh yang demikian, menjelang perlantikan seseorang pentadbir akademik sebagai dekan, beliau telah pun melalui tempoh sebagai timbalan dekan dan ketua jabatan. Tempoh yang lama sebagai pentadbir merupakan pengalaman yang berharga akan memberikan kekuatan kepada pentadbir akademik membina kecekapan moral dan pertimbangan moral yang lebih baik.

Rujukan

- Anwar, L. (2013). *Pertimbangan Moral dan Kecekapan Moral Dalam Kalangan Pentadbir akademik di Institusi Pengajian Tinggi Awam* (Disertasi Kedoktoran, UPM).
- Chang Lee Hoon (2007). Moral Reasoning of Malaysian Adolescent. *The International Journal of Learning*, 14, (5) 149 – 159.
- Drumm, M. (2003). *The Ethical and Moral Development Difference of Municipal Department Heads Based on the Defining Issues Test*. Unpublished doctoral dissertation, Nova Southeastern University.
- Fiske, S. T., & Taylor, S. E. (1991). *Social cognition*. McGraw-Hill Book Company.
- Higgins, A., C. Power and L. Kohlberg. (1984). The Relationships of Moral Atmosphere to Judgments of Responsibility, in W. Kurtines and J. Gewirtz (eds.), *Morality, Moral Behaviour, and Moral Development* (Wiley, New York), 74-106.
- Kohlberg, L. (1969). Stage and sequence: The cognitive-developmental approach to socialization. In D.A. Goslin (ED.) *Handbook of socialization theory and research*. Chicago: Rand-McNally.
- Kohlberg, L. (1981). *Essays on moral development: The psychology of moral development* (Vol. 2). San Francisco: Harper & Row.
- Kohlberg, L. (1984). *The psychology of moral development*. San Francisco: Harper & Row.
- Kohlberg, L. (1985). Kohlberg's stages of moral development. *WC Crain, Theories of development*, 118-136.
- Lavarias, R. B. (2013). A comparative analysis of the moral development of emergency personnel based on the defining issues test.
- Lind, G. (1998). An introduction to the moral judgment test (MJT). *Unpublished manuscript*. Konstanz: University of Konstanz. <http://www.uni-konstanz.de/ag-moral/pdf/MJT-introduction>.
- Lind, G. (2004). The meaning and measurement of moral judgment competence--A dual aspect theory. To be published in D. Fasko & Willis, eds., *Contemporary Philosophical and Psychological Perspectives on Moral Development and Education*. Creskill.
- Lind, G. (2008). The meaning and measurement of moral judgment competence: A dual-aspect model.
- Lind, G. (2013). The dual aspect model of moral behavior-an experimental test of Piaget's theory of affective-cognitive parallelism. *University of Konstanz*.
- Lind, G. (2017). The theory of moral-cognitive development a socio-psychological assessment. In *Moral Judgments and Social Education*. Routledge, 25-48.

- McAuliffe, W. H. (2019). Do emotions play an essential role in moral judgments? *Thinking & Reasoning*, 25(2), 207-230.
- Mischel, W., & Shoda, Y. (1995). A cognitive-affective system theory of personality: reconceptualizing situations, dispositions, dynamics, and invariance in personality structure. *Psychological review*, 102(2), 246.
- Narvaez, D., & Bock, T. (2002). Moral Schemas and Tacit Judgement or How the Difining Issues Test is Supported by Cognitive Scence. *Journal of Moral Education*, 31, 3, 297 – 314.
- Narvaez, D., & Lapsley, D. (2014). Becoming a moral person—Moral development and moral character education as a result of social interactions. In *Empirically informed ethics: Morality between facts and norms*, Springer, Cham, 227-238.
- Osgood, R. V. (2003). A study of the cognitive moral development theory and ethics in municipal government (Lawrence Kohlberg).
- Piaget, J. (1965). The moral judgment of the child. New York: The Free Press.
- Piaget, J. (1970). Genetic epistemology. Trans. E. Duckworth.
- Piaget, J. (1973). *The child and reality: Problems of genetic psychology*. (Trans. Arnold Rosin). Grossman.
- Pittel, S. M., & Mendelsohn, G. A. (1966). Measurement of moral values: A review and critique. *Psychological Bulletin*, 66(1), 22.
- Prehn, K., & Heekeren, H. R. (2009). Moral judgment and the brain: a functional approach to the question of emotion and cognition in moral judgment integrating psychology, neuroscience and evolutionary biology. In *The moral brain* Springer, Dordrecht, 129-154.
- Prehn, K., Wartenburger, I., Mériau, K., Scheibe, C., Goodenough, O. R., Villringer, A., & Heekeren, H. R. (2008). Individual differences in moral judgment competence influence neural correlates of socio-normative judgments. *Social cognitive and affective neuroscience*, 3(1), 33-46.
- Rest, J. (1979). Development in judging moral issues. Minneapolis: University of Minnesota Press.
- Rest, J. R., Narvaez, D., Thoma, S. J., & Bebeau, M. J. (1999). DIT2: Devising and testing a revised instrument of moral judgment. *Journal of educational psychology*, 91(4), 644.
- Rest, James (1979). Development in Judging Moral Issues. University of Minnesota Issues. University of Minnesota Press.
- Rumelhatr, E.E. (1980). Schemata: the building blocks of cognition, in: R. Spiro, B. Bruce & W. Brewer (Eds). Theoretical Issues in Reading Comprehension. Hillsdale, NJ, Lawrence Erlbaum Associates, 33-58.

- Samancı, N. K. (2015). A Study on the Link between Moral Judgment Competences and Critical Thinking Skills. *International Journal of Environmental and Science Education*, 10(2), 135-143.
- Swisher, L. L. (1998). *Measuring Moral Development in Public Administration*. Unpublished doctoral dissertation, Tennessee State University.
- Trevino L. K. (1992). Moral Reasoning and Business Ethics: Implications for Research, Education, and Management. *Journal of Business Ethics*, 11, 445-459.